

# KL-Bangkok fokus isu tertangguh

Anwar, Srettha sepakat pastikan pertumbuhan pantas ekonomi di sempadan kedua-dua negara

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim dan Syaherah Mustafa  
bhnews@bh.com.my

**Rantau Panjang:** Isu tertangguh membabitkan sempadan dua negara mengisi ruang penting pertemuan di antara Datuk Seri Anwar Ibrahim bersama rakan sejawat dari Thailand, Srettha Thavisin, ketika kedua-dua pemimpin itu mengadakan pertemuan di Kompleks CIQ Sungai Golok di sini, semalam.

Daripada usaha mendalamkan muara Sungai Golok yang cetek dan menjadi punca banjir melanda Kelantan dan wilayah Narathiwat setiap tahun kepada pembinaan jambatan baharu merentasi sungai itu serta menambah baik jambatan sedia ada, semuanya disentuh dan dipersejuti dalam pertemuan terbabit.

Semua projek berkenaan dijangka memberi limpahan ekonomi kepada kedua-dua negara dan kemakmuran untuk rakyat masing-masing.

Persefahaman dicapai kedua-dua pemimpin itu semalam, menggambarkan komitmen jelas Kerajaan Malaysia dan Thailand untuk memastikan pertumbuhan ekonomi di sempadan kedua-dua negara berjalan pantas, sekali gus memberi laluan kepada usaha perdamaian di Selatan Thailand dan pembangunan di utara Semenanjung Malaysia.



Anwar bersama Srettha mengadakan lawatan di Kompleks Apam Putra, Pejabat Tanah dan Jajahan PasirMas, Kelantan, semalam. (Foto bernama)

Anwar berkata, Malaysia-Thailand bersetuju mempercepatkan pembinaan jambatan kedua menghubungkan Rantau Panjang, Kelantan dan Sungai Golok, Thailand yang dijangka Anwar merencanakan lagi aktiviti ekonomi kedua-dua negara.

“Saya berterima kasih kepada Perdana Menteri Thailand yang sudi bersama hari ini dan pertemuan ini berlaku susulan pertemuan kami di Sadao, Thailand dan Bukit Kayu Hitam (akhir tahun lalu).

“Menerusi pertemuan ini, kita putuskan untuk mempercepatkan pelaksanaan jambatan kedua menghubungkan Sungai Golok dan Rantau Panjang.

“Selain itu, kita akan melaksanakan pembersihan muara Sungai Golok yang bakal membantu rakyat Thailand dan Kelantan mengatasi banjir.

“Beberapa projek lain juga sudah diputuskan dan dimaklumkan secara terperinci nanti,” katanya berucap pada Majlis Jamuan Makan Tengah Hari bersama Perdana Menteri Thailand.

Yang turut hadir, Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd Nassuruddin Daud; Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan; Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam Sekitar, Nik Nazmi Nik Ahmad.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, dengan kerjasama dan hubungan baik antara Perdana Menteri kedua-dua negara berkenaan, ia akan memberi manfaat besar kepada rakyat.

Projek jambatan kedua Rantau Panjang-Sungai Golok itu dijangka mula dibina awal tahun depan dan siap penghujung 2026 apa-

bila disegerakan.

Pembinaan jambatan ini bakal merencanakan kesalinghubungan kedua-dua negara serta memangkin pembangunan ekonomi di utara Kelantan dan Selatan Thailand, langsung mencipta limpahan kemakmuran buat rakyat di kedua-dua kawasan.

Selain itu, kedua-dua negara bersetuju menambah baik jambatan sedia ada yang telah dibina lebih 50 tahun lalu.

## Pembinaan jambatan kedua

Sementara itu, Srettha dalam ucapannya pada majlis sama, menyifatkan kerjasama dengan Kerajaan Malaysia untuk pembinaan jambatan kedua itu meningkatkan taraf ekonomi dan memberi manfaat kepada penduduk di sempadan.

Beliau berkata, menerusi pertemuan itu juga, pihaknya mem-

bincangkan beberapa perkara seperti perancangan zon ekonomi khas, pembangunan makanan halal dan industri getah antara dua negara.

Katanya, kerjasama itu juga membuktikan hubungan erat antara Malaysia-Thailand sambil berharap perancangan itu berjalan lancar.

Sementara itu, pada sidang medianya sempena Lawatan Kerja di Rantau Panjang dan Sungai Golok itu, Anwar berkata, Malaysia komited mahu membantu menyelesaikan rundingan Dialog Damai Selatan Thailand.

Perdana Menteri berkata, segala cadangan daripada Malaysia diserahkan kepada Thailand.

Katanya, Malaysia hanya berperanan sebagai pemangkin dan paling penting kerajaan Thailand dan Malaysia mahu menyelesaikan proses dialog damai berkenaan.

“Rundingan damai Selatan Thailand bukan isu Malaysia, sebaliknya isu domestik Thailand. Hubungan baik Malaysia dan Thailand menyebabkan mereka meminta kerjasama kita.

“Kita sudah memberi komitmen apa sahaja yang perlu sama ada dari segi ekonomi, keselamatan dan sebagainya,” katanya.

Media sebelum ini melaporkan, bekas Ketua Pengarah Majlis Keselamatan Negara (MKN), Datuk Mohd Rabin Basir dilantik sebagai Fasilitator Kerajaan Malaysia yang baharu bagi Proses Dialog Damai Selatan Thailand berkuat kuasa 1 Julai lalu.

Dalam kenyataan pelantikan itu, kerajaan yakin terhadap keupayaan Mohd Rabin untuk merealisasikan misi dengan baik, berkesan dan mampu mencapai dampak yang positif serta signifikan kepada Proses Dialog Damai Selatan Thailand itu.